



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Hasmidar Hassan, Siti Rabi'atul Adawiyah Mohd Saiful Bakhtiar & Siti Badriyah Yusof. (2026). Awalan ber- dalam dialek bahasa Melayu Kedayan: Satu analisis nahu dan pragmatik. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 5(1), 135-159. <https://doi.org/10.32890/rentas2026.5.1.8>

AWALAN beR- DALAM DIALEK BAHASA MELAYU KEDAYAN: SATU ANALISIS NAHU DAN PRAGMATIK

*(The Prefix ber- in the Kedayan Malay Dialect: A Comparative Analysis with
Standard Malay from the Point of View of Grammatical and Pragmatics)*

¹Hasmidar Hassan, ²Siti Rabi'atul Adawiyah Mohd Saiful Bakhtiar
& ³Siti Badriyah Yusof

^{1,3}Fakulti Sastra dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Brunei

²Institut Pendidikan Sultan Hasanah Bolkuah, Universiti Brunei Darussalam, Brunei

¹Corresponding author: hasmidadr.hassan@ubd.edu.bn

Received: 10/2/2026

Revised: 13/4/2026

Accepted: 6/5/2026

Published: 31/7/2026

ABSTRAK

Bahasa Melayu yang merupakan jenis bahasa aglutinatif membentuk kebanyakan katanya melalui proses pengimbuhan selain penggandaan dan pemajmukan. Pengimbuhan bukan sahaja menerbitkan kata baharu malahan turut mengubah golongan kata dan memberikan makna baharu bagi kata terbitan tersebut. Walau bagaimanapun, pengimbuhan dalam dialek bahasa Melayu adakalanya membentuk kata baharu dengan makna yang berbeza walaupun bentuk katanya sama dengan kata dalam bahasa Melayu Standard. Sehubungan dengan itu, kajian ini diketengahkan bagi meneliti penggunaan awalan beR- dalam dialek bahasa Melayu Kedayan yang terdapat dalam teks 'Hikayat Awang Kamaruddin' (HAK) selenggaraan Rahim Dulani (1992). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kata yang berawalan beR- dan menganalisis makna imbuhan beR- apabila digabungkan dengan kata dasar dalam teks HAK. Analisis imbuhan ini melibatkan dua pendekatan, iaitu menganalisis makna imbuhan berdasarkan pemerian Nik Safiah Karim et al. (2015) dan pendekatan pragmatik iaitu teori Relevans bagi mencerakin makna sebenar yang didukung oleh kata berimbuhan beR- dalam konteks ayat. Gabungan pendekatan nahu dan pragmatik menunjukkan bahawa sebahagian bentuk beR- dalam HAK tidak sepenuhnya sepadan dengan pengertian awalan beR- yang produktif dalam BMS. Misalnya, bentuk kata bercacat, bercabul dan bertinggal didapati sukar dipadankan secara bermakna dengan kata berawalan beR- yang lazim dalam BMS, manakala berlupa dalam konteks HAK lebih munasabah ditafsirkan sebagai bentuk yang menyerupai pasif, iaitu hampir setara dengan dilupakan. Dapatan ini menunjukkan bahawa makna awalan beR- dalam teks HAK tidak

dapat diuraikan secara memadai berdasarkan pendekatan nahu semata-mata, sebaliknya perlu ditafsir dengan mengambil kira konteks ujaran, latar sosial budaya dan inferens pragmatik. Kajian sekali gus memperlihatkan wujudnya variasi dan kemungkinan evolusi makna imbuhan beR- secara diakronik dalam dialek bahasa Melayu Kedayan.

Kata kunci: Perbandingan, imbuhan beR-, nahu, pragmatik, teori Relevans.

ABSTRACT

Malay, which is an agglutinative language or a derivative language, forms most of its words through the process of affixation in addition to duplication and compounding. Affixation not only produces new words but also changes the word class and gives new meanings to the derived words. However, affixation in Malay dialects sometimes forms new words with different meanings even though the word form is the same as the word in Standard Malay. For this reason, this study aims to examine the use of affixes in the Kedayan Malay dialect, especially the affix beR- which is found in the text 'Hikayat Awang Kamaruddin' organized by Rahim Dulani (1992). This study aims to identify words with the affix beR- and analyze the meaning of the affix beR- when combined with the base word in the HAK text. This affix analysis involves two approaches, namely analyzing the meaning of the affix based on the description of Nik Safiah Karim et al. (2015) and then analyzing words with the affix beR- based on the pragmatic approach, which is the Relevance theory to explain the real meaning of the word once it is combined with the affix beR- in the context of the sentence. The combination of grammatical and pragmatic approaches, namely Relevance theory, allows the meaning of the affix to be best described sufficiently and shows the variation or difference in the meaning of the affix beR- diachronically in the Kedayan Malay dialect based on the context of its use. The findings of this study are expected to provide additional input to readers, especially educators and students, on the evolution and difference in meaning of the affix beR- in the HAK text.

Keywords: Comparison, prefix beR-, grammar, pragmatic, Relevance theory.

PENGENALAN

Bahasa Melayu sebagai bahasa aglutinatif atau bahasa yang bersifat derivatif ialah jenis bahasa yang membentuk kata baharu dengan cara pengimbuhan selain penggandaan dan pemajmukan. Dalam proses penerbitan kata bahasa Melayu, pengimbuhan misalnya bukan sahaja menerbitkan kata baharu malahan dapat mengubah kelas kata dan makna kata baharu tersebut. Walau bagaimanapun, proses pengimbuhan dalam dialek-dialek bahasa Melayu adakalanya membentuk kata baharu yang sama bentuknya dengan bahasa Melayu standard namun berbeza maknanya. Variasi atau perbezaan ini perlu diteliti bagi memperlihatkan etimologinya dan juga kemungkinan wujudnya pengaruh jenis kata dasar, struktur peristiwa, dan konteks penggunaan. Oleh sebab itu, kajian tentang pengimbuhan perlu diteliti bukan hanya pada tahap struktur atau bentuknya malahan perlu melibatkan pendekatan yang bersifat pragmatik, yang melibatkan situasi sosial dan budaya komuniti penutur.

Dalam tradisi kajian bahasa Melayu, kajian tentang imbuhan sememangnya agak banyak dilakukan oleh sarjana daripada aliran tatabahasa tradisional hingga moden, misalnya oleh Za'ba (1965), Asmah Haji Omar (2015), Nik Safiah Karim et al. (2015), Lufti Abas (1971), dan Abdullah Hassan (2006). Huraian tentang sistem imbuhan dan penggolongan kata merupakan satu sumbangan yang besar terhadap pemantapan deskripsi bahasa. Walau bagaimanapun, sebahagian besar pemerian makna imbuhan dalam

kerangka tatabahasa preskriptif lazimnya bersifat bebas konteks dan berorientasikan aturan (*rule-based*). Data yang dikemukakan pula sering berupa contoh binaan ciptaan atau intuisi, lalu menghasilkan gambaran bahawa makna imbuhan dapat dipadankan secara langsung dengan bentuk. Realitinya, pemaknaan dalam penggunaan imbuhan dalam komunikasi harian tidak beroperasi secara mekanistik sebaliknya penggunaan bentuk berimbuhan dan tafsirannya dipengaruhi oleh fungsi sosial, keperluan komunikasi, dan pengetahuan latar belakang penutur dan pendengar. Oleh yang demikian, penyelidikan tentang imbuhan perlu bergerak melangkaui deskripsi bentuk kepada analisis yang pragmatik bagi meneliti bagaimana bentuk kata yang berimbuhan menghasilkan makna yang tertentu dalam situasi ujaran yang sebenar.

Atas dasar yang tersebut, kajian ini diketengahkan bagi meneliti awalan *beR-* dalam dialek BM Kedayan yang terdapat dalam teks *Hikayat Awang Kamaruddin* (HAK) yang diselenggarakan oleh Rahim Dulani (1992). HAK ialah karya sastra rakyat lisan masyarakat Kedayan di Brunei Darussalam (sering dirujuk sebagai *pitaran*) dan merupakan teks kesusasteraan Melayu pada peringkat ‘O’ (*O Level*) sekolah menengah sejak tahun 2001. Kedudukan HAK sebagai teks rujukan pendidikan menjadikan aspek bahasa yang terkandung di dalamnya sangat penting kerana bahasa ialah medium penyampaian naratif dan apabila kata dan struktur dalam teks tidak difahami dengan tepat, pemahaman terhadap keseluruhan penceritaan serta potensi analisis sastra akan terjejas. Di samping itu, sebagai teks yang merakam penggunaan BM Brunei dengan pengaruh dialek Kedayan yang ketara, HAK berfungsi sebagai sumber kearifan tempatan yang wajar diperkukuh melalui penelitian linguistik, khususnya untuk tujuan pelestarian salah satu bahasa puak jati di Brunei Darussalam.

Selain itu, penelitian terhadap imbuhan *beR-* dalam teks HAK juga didorong oleh jurang antara pemerian makna awalan *beR-* dari sudut nahu preskriptif dengan pemerian makna imbuhan yang meneliti keragaman fungsi dan makna yang ditunjukkan oleh data dalam teks klasik berasaskan dialek. Kajian imbuhan sedia ada memang banyak, tetapi pendekatan dan data yang digunakan berbeza-beza dan sebahagiannya menggunakan contoh data bebas konteks atau ayat binaan berasaskan intuisi, manakala kajian lebih mutakhir cenderung bergantung pada korpus moden. Dalam keadaan ini, teks klasik BM Brunei yang dipengaruhi bahasa etnik (Kedayan) masih belum diberi perhatian, sedangkan teks sebegini berpotensi untuk memaparkan evolusi makna dan fungsi imbuhan secara diakronik. Pemerhatian awal terhadap HAK menunjukkan bahawa sebahagian bentuk berawalan *beR-* tidak semestinya mematuhi padanan makna dan fungsi seperti yang lazim disenaraikan dalam Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015). Sebagai contoh awal, bentuk seperti ‘bercacat’ dan ‘bercabul’ dalam teks HAK memperlihatkan penggunaan yang tidak sepenuhnya selari dengan pola makna awalan *beR-* yang lazim dihuraikan dalam Bahasa Melayu Standard. Demikian juga bentuk seperti ‘bertinggal’, yang dalam konteks tertentu tidak dapat dijelaskan secara memadai melalui pengelasan nahu biasa tanpa mengambil kira konteks ujaran. Contoh-contoh awal ini menunjukkan bahawa analisis awalan *beR-* dalam teks HAK memerlukan penelitian yang bukan sahaja bersifat morfologi, tetapi juga pragmatik. Fenomena ini menimbulkan keperluan untuk meneliti bukan sahaja “apakah makna” yang didukung oleh bentuk *beR-* tetapi juga “mengapa” bentuk tersebut dipilih dalam ujaran tertentu, iaitu fungsi pragmatik dan tujuan komunikatifnya.

Oleh itu, kajian ini meneliti imbuhan *beR-* dengan menggabungkan dua pendekatan iaitu pemerian nahu untuk melakukan pengelasan awal bentuk dan makna imbuhan *beR-*, dan pendekatan pragmatik untuk mencerahkan makna imbuhan *beR* yang terhasil dalam konteks. Secara khusus, teori Relevans digunakan sebagai kerangka inferens bagi menjelaskan bagaimana konteks ujaran, pengetahuan ensiklopedik, dan jangkaan korelevanan memandu pembaca/pendengar mentafsir kata berawalan *beR-* dalam ayat. Pendekatan gabungan ini diandaikan dapat menangani dua tuntutan serentak, iaitu (i) mengekalkan disiplin pengelasan berdasarkan tatabahasa preskriptif agar hasil analisis dapat dipadankan dan dibandingkan secara sistematik, dan (ii) memperlihatkan bahawa variasi makna atau fungsi tidak dapat dihuraikan

dengan berpada tanpa mengambil kira konteks penggunaan dan latar sosial-budaya yang terdapat dalam teks HAK.

Bagi mencapai matlamat yang diuraikan dalam perenggan di atas, kajian ini dijalankan berdasarkan tiga objektif yang saling melengkapi. Pertama, kajian ini mengenal pasti bentuk-bentuk kata yang berawalan *beR-* dalam HAK sebagai asas pemetaan inventori data. Kedua, kajian ini menganalisis dan membandingkan makna serta fungsi bentuk-bentuk berawalan *beR-* tersebut dengan merujuk pemerian awalan *beR-* dalam Bahasa Melayu Standard seperti yang diuraikan oleh Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) agar pola yang selari dan tidak selari dapat dikesan secara jelas. Ketiga, kajian ini menelusuri bagaimana makna “sebenar” kata berawalan *beR-* dalam teks HAK dibina dalam konteks ayat berasaskan teori Relevans sekali gus menjelaskan peranan konteks ujaran, pengetahuan ensiklopedik dan latar sosial budaya dalam menghasilkan tafsiran yang lebih berpada terhadap data yang tidak dapat diuraikan secara berpada melalui pendekatan nahu semata-mata. Untuk. Dalam hal ini, pengenalan ini meletakkan kajian pada persilangan antara deskripsi morfologi dan interpretasi pragmatik, dan sumbangan yang diharapkan bukan sahaja terhadap pemahaman evolusi dan variasi atau perbezaan makna awalan *beR-* dalam teks klasik Brunei, malahan terhadap amalan pedagogi, khususnya bagi membantu pendidik dan pelajar memahami kerencaman bentuk dan tafsiran imbuhan dalam HAK.

SOROTAN LITERATUR

Kajian pengimbuhan dalam Bahasa Melayu (BM) telah berkembang daripada tradisi tatabahasa deskriptif kepada pendekatan yang lebih empiris dan berorientasikan penggunaan. Dalam tradisi kajian bahasa pada tahap awal, huraian makna imbuhan lazimnya disampaikan secara struktural dan bebas konteks, dengan contoh yang banyak bergantung pada intuisi penutur dan set rumus yang dibakukan melalui tatabahasa preskriptif. Namun, dalam penggunaan sebenar, terutamanya dalam variasi dialek dan teks tradisional, makna imbuhan sering beroperasi secara fungsional, dipengaruhi oleh konteks ujaran, latar sosial, dan pengetahuan ensiklopedik komuniti penutur. Atas asas inilah, sorotan ini menumpukan perbincangan pada tiga tema utama: (i) kajian imbuhan berasaskan pendidikan dan kesalahan, (ii) kajian imbuhan berteraskan pragmatik (khususnya Teori Relevans), dan (iii) kajian morfologi-kognitif dan tipologi perbandingan yang memperlihatkan kepelbagaian sistem imbuhan dalam rumpun Austronesia di samping sumbangan kajian berorientasikan pemprosesan bahasa semula jadi (NLP) yang menekankan kekompleksan morfologi BM dan isu ketaksaan.

Dalam ranah pendidikan bahasa, fokus kajian sering tertumpu pada penguasaan pelajar terhadap penggunaan imbuhan yang mempengaruhi kegramatisan ayat. Misalnya, kajian Anne dan Saidatul Nornis (2021) meneliti kesalahan penggunaan imbuhan awalan kata kerja *meN-*, *di-* dan *ber-* dalam penulisan karangan respons terbuka. Kajian tersebut menggunakan tiga elemen asas (kajian perpustakaan, analisis teks karangan, dan penulisan hasil), dengan analisis teks terhadap 31 sampel karangan. Berpanduan Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) dapatan kajian memperlihatkan bahawa penggunaan awalan kata kerja oleh murid masih bermasalah, sekali gus menandakan wujudnya jurang antara pengetahuan tatabahasa yang dipelajari dan kemahiran penggunaan dalam wacana sebenar.

Satu aliran yang konsisten dalam kajian imbuhan mutakhir ini ialah kecenderungan mengaitkan makna imbuhan dengan konteks penggunaan melalui pendekatan pragmatik, khususnya teori Relevans (TR). Ahmad Harith Syah (2008) misalnya mengkaji makna imbuhan awalan kata nama *peN-* dengan menekankan sifat dwifungsi atau pelbagai fungsi imbuhan tersebut. Melalui pertimbangan pragmatik, kajian ini menunjukkan bahawa konteks ujaran berperanan penting untuk menzahirkan makna yang

diimplikasikan, termasuk pengesanan fungsi semantik tertentu (misalnya rujukan haiwan dan tumbuhan). Penggunaan TR bersama Rangka Rujuk Silang mengukuhkan hujah bahawa huraian nahu BM memerlukan penjelasan yang melampaui bentuk permukaan.

Seiring dengan itu, Nor Hashimah Jalaluddin dan Ahmad Harith Syah (2009) menumpukan penelitian makna imbuhan *pen-* dengan menekankan analisis semantik-pragmatik yang merentasi aras permukaan. Dengan memanfaatkan data korpus yang besar dan perbincangan hubungan komunikasi dan kognisi (melalui TR sebagai rujukan sokongan), kajian ini menonjolkan keupayaan rangka rujuk silang untuk membezakan makna imbuhan berdasarkan konteks dan atribut (misalnya kategori manusia vs bukan manusia).

Nurul Huda Saad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2020) pula meneliti kerencaman makna awalan *meN-* apabila digabungkan dengan kata nama konkrit unsur alam (seperti *busut, langit, gunung, laut, batu, dan bukit*). Kajian ini menanggapi isu pertindihan makna melalui analisis kualitatif berasaskan data korpus DBP, dan menerapkan TR dengan konsep rangka rujuk silang (*bridging cross reference*) serta pembinaan makna *ad hoc*. Dapatan kajian memperlihatkan pengkategorian baharu yang merapatkan kerencaman pada set makna yang lebih teratur, termasuk pembinaan makna metafora (misalnya perbandingan eksplisit ‘seperti’). Keseluruhan gugus kajian berasaskan TR ini memberikan premis penting, iaitu makna imbuhan tidak stabil secara semantik apabila dipisahkan daripada konteks, dan justeru memerlukan analisis dari sudut penggunaan yang memadai.

Selain kajian tentang pengimbuhan dalam Melayu standard, sorotan terhadap kajian yang berfokus pada bahasa atau dialek Kedayan sendiri juga perlu diberikan perhatian bagi mengukuhkan asas kajian ini. Dalam hal ini, Lee dan Nasrun (2023) melalui satu tinjauan literatur sistematik menunjukkan bahawa kajian linguistik bahasa Kedayan di Sabah, Sarawak dan Labuan masih terhad dan belum berkembang secara memadai. Dapatan mereka memperlihatkan bahawa penyelidikan yang benar-benar berfokus pada bahasa Kedayan hanya tertumpu pada dua bidang utama, iaitu fonologi dan sosiolinguistik, dan kedua-duanya pula masih dalam jumlah yang kecil. Keadaan ini menunjukkan bahawa aspek morfologi bahasa Kedayan, khususnya analisis pengimbuhan, masih belum diberi perhatian yang sewajarnya. Kekurangan ini menjadikan kajian semasa signifikan kerana penelitian terhadap awalan *beR-* dalam teks HAK bukan sahaja mengisi kekosongan dalam kajian morfologi Kedayan, malah memperluas horizon penyelidikan tentang hubungan antara bentuk, makna dan konteks dalam varieti Melayu bukan standard.

Dari sudut sosiolinguistik pula, Dilah Tuah et al. (2021) memperlihatkan bahawa bahasa Kedayan masih merupakan bahasa komuniti yang hidup dan berfungsi dalam masyarakat, khususnya di Bekenu, Sarawak. Dengan meneliti lima domain penggunaan bahasa, iaitu keluarga, persahabatan, agama, pendidikan dan pekerjaan, kajian tersebut menunjukkan bahawa bahasa Kedayan masih kuat digunakan, terutama dalam domain kekeluargaan, persahabatan dan keagamaan. Dapatan ini penting kepada kajian semasa kerana ia menegaskan bahawa bahasa Kedayan bukan sekadar warisan budaya, tetapi masih berperanan sebagai medium komunikasi yang aktif dalam komuniti penuturnya. Oleh itu, penelitian terhadap ciri morfologi dan makna imbuhan dalam bahasa atau dialek ini adalah relevan, bukan sahaja dari sudut dokumentasi linguistik tetapi juga dari sudut pemahaman terhadap sistem bahasa yang masih berdaya hidup.

Di samping itu, kajian Rosliah Kiting dan Shira Eariy Janedeh (2023) walaupun tidak berfokus khusus pada dialek Kedayan, tetap relevan untuk dimasukkan kerana memperlihatkan bagaimana penggunaan dialek mempengaruhi penguasaan komunikasi dalam Bahasa Melayu standard. Kajian tersebut mendapati bahawa pengaruh dialek dalam komunikasi lisan pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak dapat dikesan khususnya pada bentuk kata ganti nama diri, kata tugas dan kata kerja. Penemuan ini menyokong

kepentingan perbandingan antara data dialek dengan Bahasa Melayu standard dalam kajian semasa. Dalam konteks artikel ini, perbandingan tersebut amat penting kerana bentuk awalan *beR-* dalam teks yang dipengaruhi dialek Kedayan mungkin menampilkan fungsi atau tafsiran yang tidak sepenuhnya sejajar dengan pemerian dalam Bahasa Melayu standard. Dengan kata lain, kajian-kajian terdahulu secara kolektifnya menunjukkan bahawa bahasa Kedayan wajar diteliti bukan sahaja sebagai variasi sosial, tetapi juga sebagai sistem linguistik yang berpotensi memperlihatkan ciri morfologi dan pragmatik yang tersendiri.

Selain itu, perbincangan tentang kategori tatabahasa dan bukti gramatikal juga relevan. Johnny Tjia (2015) berhujah bahawa kata akar leksikal dalam bahasa-bahasa Melayu bersifat fleksibel daripada segi kategori gramatikal, dan menimbulkan masalah penentuan kategori. Dalam konteks ini, imbuhan boleh berfungsi sebagai bukti gramatikal untuk memahami hubungan tatabahasa dan kategori. Implikasinya terhadap kajian ini ialah pengenalanpastian dan pengelasan bentuk berawalan *beR-* perlu ditangani secara berhati-hati kerana kategori dan fungsi boleh berubah mengikut struktur ayat dan konteks wacana.

Walaupun kajian ini berorientasikan linguistik (nahu dan pragmatik), sorotan seterusnya dalam NLP memperkukuh hujah tentang kekompleksan morfologi BM dan masalah ketaksaan bentuk berimbuhan. Beberapa kajian menilai proses pelucutan imbuhan (*stemming*) dan menunjukkan bahawa “pengguguran imbuhan” secara mekanistik sering terdedah pada ralat, termasuk *over-stemming*, *under-stemming*, dan ketaksaan akar. Suhaina et al. (2012) misalnya menekankan isu ketaksaan apabila satu kata terbitan berpotensi mempunyai lebih daripada satu kata akar yang sah; pendekatan pengguguran imbuhan yang berlebihan dan penggunaan daftar kata diusulkan bagi meminimumkan ralat. Leow et al. (2012) dan Kassim et al. (2016) pula menunjukkan bahawa peningkatan ketepatan *stemming* memerlukan “pengetahuan latar” (seperti kamus akar dan kamus kata berimbuhan) serta aturan aplikasi peraturan yang lebih cermat untuk menangani pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Alfred et al. (2014) mengulas trend algoritma penyingkiran imbuhan berasaskan peraturan dan memperlihatkan bahawa kepelbagaian aturan morfologi dan susunan aplikasinya menjadi cabaran utama.

Walaupun kajian NLP ini tidak menilai “makna” imbuhan secara langsung, kesimpulannya adalah signifikan untuk kajian semasa, iaitu bentuk berimbuhan BM bersifat kompleks dan berpotensi taksa. Oleh itu, penentuan pentafsiran yang tepat tidak memadai dengan pemerian bentuk semata-mata. Dalam konteks kajian pragmatik, isu ketaksaan ini berkait rapat dengan keperluan memanfaatkan konteks, pengetahuan ensiklopedik, dan inferens untuk memilih tafsiran yang paling munasabah.

Secara keseluruhan, sorotan ini memperlihatkan bahawa kajian imbuhan BM telah menggunakan pelbagai pendekatan, iaitu daripada analisis kesalahan dalam penulisan pelajar, pemerian morfologi deskriptif, analisis pragmatik berasaskan TR, hingga linguistik kognitif dan tipologi perbandingan.

Oleh yang demikian, wujud keperluan untuk meneliti kata berawalan *beR-* dalam teks HAK yang mencerminkan BM Brunei lama dengan pengaruh dialek Melayu Kedayan, khususnya untuk menguji kemungkinan wujudnya makna dan fungsi yang rencam serta berbeza daripada pengertian yang lazim dirujuk dalam Tatabahasa Dewan (2015). Dengan mengekalkan landasan pemerian nahu (sebagai titik mula pengelasan) dan meneruskan analisis melalui TR (sebagai kerangka inferens penggunaan), kajian semasa diposisikan untuk menjelaskan peranan konteks ujaran, latar sosial, dan pengetahuan ensiklopedik dalam membentuk pentafsiran *beR-* dalam HAK, sekali gus membuka ruang pemahaman tentang evolusi makna dan fungsi imbuhan tersebut secara diakronik.

METODOLOGI

Kajian ini akan menjadi lebih teratur dan tepat apabila skop kajian, data kajian dan kaedah kajian yang dimanfaatkan dalam penulisan ini diuraikan dengan perinci terlebih dahulu. Untuk itu, huraian bagi subtajuk ini diuraikan seperti berikut:

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dan menggunakan pendekatan analisis deskriptif dengan kaedah analisis teks. Analisis dilakukan secara bertahap, iaitu (i) pengelasan pada peringkat morfologi (nahu) sebagai asas pemetaan bentuk dan pengertian, dan (ii) analisis pragmatik berasaskan teori Relevans (TR) bagi mencerahkan makna imbuhan *beR-* yang beroperasi dalam konteks ujaran.

Sumber Data dan Justifikasi Pemilihan Teks

Sumber data utama ialah teks Hikayat Awang Kamaruddin (HAK) yang diselenggarakan oleh Rahim Dulani (1992). HAK merupakan karya sastra rakyat lisan masyarakat Kedayan di Brunei Darussalam (sering dirujuk sebagai *pitaran*) dan telah digunakan sebagai teks kesusasteraan Melayu peringkat 'O' di sekolah menengah Brunei sejak tahun 2001. Pemilihan HAK sebagai sumber data didorong oleh tiga pertimbangan metodologi. Pertama, kedudukan HAK sebagai teks rujukan pendidikan menjadikan perincian bahasa dalam teks ini mempunyai implikasi langsung terhadap kefahaman pembaca (pelajar dan guru). Kedua, HAK merakam interaksi variasi BM Brunei dengan pengaruh dialek Kedayan, sekali gus menyediakan asas yang empiris untuk menilai bagaimana bentuk awalan *beR-* berfungsi dalam ragam bukan standard. Ketiga, sebagai teks yang berakar tradisi lisan yang merentasi generasi, HAK berpotensi memaparkan unsur leksikal dan pola pengimbuhan yang mencerminkan perubahan diakronik (evolusi bentuk/makna) apabila dibandingkan dengan amalan penggunaan BM standard kontemporari.

Skop Analisis

Skop kajian ditetapkan pada leksikal/kata yang berawalan *beR-* dalam HAK. Unit analisis ialah token kata berawalan *beR-* dalam ayat (atau petikan) yang lengkap, termasuk maklumat konteks wacana minimum yang diperlukan untuk pentafsiran. Walaupun awalan *beR-* dapat bergabung dengan pelbagai golongan kata, analisis memfokuskan bentuk yang memainkan peranan predikatif dalam teks (khususnya kata kerja tak transitif dan bentuk yang berfungsi seperti predikat), kerana di situlah variasi fungsi dan implikatur pragmatik paling jelas dapat dikesan.

Prosedur Pengumpulan dan Penyediaan Data

Pengumpulan data dilakukan dengan meneliti setiap baris teks HAK. Semua token berawalan *beR-* dalam lima bab pertama dikenal pasti dan direkod sebagai data mentah. Setiap token disimpan bersama maklumat sokongan (bab/halaman dan ayat/petikan) bagi memastikan ketertelusuran analisis dan memudahkan semakan konteks.

Selepas penyenaraian, data dipraproses melalui dua tindakan: (i) penentuan kata dasar dan golongan kata (kata kerja/kata nama/kata adjektif) dengan merujuk sumber leksikografi yang relevan, dan (ii) penyusunan data mengikut kategori awal untuk tujuan pengelasan nahu. Langkah ini penting kerana pengertian awalan *beR-* hanya dapat diperihalkan dengan tepat apabila hubungan antara awalan dan kata dasar dikenal pasti secara eksplisit.

Pemilihan lima bab pertama dibuat secara persampelan bertujuan, bukan secara rawak. Bahagian ini dipilih kerana lima bab awal HAK telah memperlihatkan kepadatan token berawalan *beR-* yang memadai untuk tujuan kajian kualitatif, di samping menyediakan konteks naratif yang cukup kaya bagi analisis pragmatik. Daripada lima bab ini, sebanyak 138 token berimbuhan *beR-* yang tidak berulang berjaya dikenal pasti, dan jumlah tersebut sudah mencukupi untuk membolehkan pengkaji mengesan kepelbagaian bentuk, mengenal pasti pola yang selari dan tidak selari dengan pemerian tatabahasa rujukan, serta memilih data yang benar-benar bernilai analitik untuk diuraikan secara terperinci. Selain itu, bab-bab awal teks juga mengandungi maklumat latar, peristiwa dan hubungan antara watak yang penting untuk membina konteks ujaran, iaitu unsur yang diperlukan oleh teori Relevans bagi mencerakin makna bentuk berimbuhan dalam ayat. Oleh itu, pemilihan lima bab pertama dianggap memadai daripada segi kepadatan data, keterwakilan analitik dan kecukupan konteks.

KERANGKA ANALISIS DAN PROSEDUR ANALISIS

Bagi memastikan ketelusan dan kebolehulangan (*replicability*) analisis, kajian ini menetapkan kerangka analisis berasaskan dua rujukan utama yang saling melengkapi: (i) pengertian awalan *beR-* menurut Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015) sebagai asas pengelasan nahu, dan (ii) teori Relevans sebagai kerangka inferens pragmatik untuk mencerakin makna dalam konteks.

Pengertian Awalan *beR-* Menurut Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2015)

Dalam Tatabahasa Dewan, awalan *beR-* diuraikan sebagai awalan yang lazimnya membentuk kata kerja dan pada asasnya membawa maksud ‘berlakunya sesuatu tindakan atau keadaan yang berpunca daripada kandungan makna kata dasar’. Namun, pengertian khususnya bergantung pada golongan kata dasar yang menerima awalan tersebut. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan pengertian utama berikut sebagai kategori pengekodan awal:

1. *beR-* + kata kerja
 - i. melakukan perbuatan sebagaimana yang terkandung dalam kata dasar (contoh: bertukar, bersenam).
 - ii. memberikan pengertian refleksif (perbuatan yang mengenai diri sendiri) (contoh: bercukur, berhias).
 - iii. memberikan pengertian perbuatan saling (*reciprocal*) (saling melakukan perbuatan) (contoh: bertumbuk, bertemu).
 - iv. memberikan pengertian sesuatu keadaan yang sudah sedia berlaku, yang mirip pasif, dan lazimnya didahului oleh kata bantu aspek belum/sudah/telah dan boleh bersilih ganti dengan awalan *di-* (contoh: belum bertulis = belum ditulis; sudah berjahit = sudah dijahit).
2. *beR-* + kata nama
 - i. membawa pengertian mempunyai (contoh: berbaju, berumah).
 - ii. membawa pengertian memakai/menggunakan (contoh: berkasut, berkereta).
 - iii. membawa pengertian mengerjakan/mengusahakan (contoh: bersawah, berkebun).
 - iv. membawa pengertian menghasilkan/melahirkan/mengeluarkan (contoh: berbuah, bertelur).
 - v. membawa pengertian meminta bantuan/berguru (contoh: berguru, berdukun).

3. beR- + kata adjektif
 - i. membawa pengertian berada dalam keadaan (contoh: bergembira, bersukacita).
 - ii. membawa pengertian memperoleh/beruntung (contoh: beruntung).
4. beR- + kata tugas
 - i. membawa pengertian menjadi/menunjukkan bilangan dalam kumpulan (contoh: bersatu, berdua).
 - ii. membawa pengertian berserta/bersama-sama (contoh: berserta).
 - iii. membawa pengertian beroleh/mendapat (contoh: beroleh).

Pengertian ini menjadi asas bagi pengelasan awal data dan mengenal pasti token yang memperlihatkan ketidakselarasan (*mismatch*) dengan kategori tatabahasa yang menjadi rujukan, khususnya apabila bentuk beR- dalam HAK menghasilkan tafsiran yang lebih munasabah hanya selepas konteks wacana dan latar sosial-budaya diambil kira.

Kerangka Teori Relevans: Komponen Analisis dan Prosedur Inferens

Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1995) yang merupakan kerangka pragmatik-kognitif dimanfaatkan dalam kajian ini untuk mentafsir makna ujaran secara inferens. Dua prinsip utama TR yang menjadi landasan kajian ialah Prinsip Kognitif Relevans dan Prinsip Relevans Komunikatif. Berdasarkan Prinsip Kognitif Relevans, Sperber dan Wilson (1995) berpandangan bahawa kognisi manusia cenderung terarah untuk memaksimumkan relevans. Dengan kata lain, kognitif manusia cenderung memilih input yang dijangka memberikan manfaat kognitif yang tertinggi dengan usaha pemprosesan yang paling rendah. Berdasarkan prinsip yang kedua pula, iaitu Prinsip Relevans Komunikatif, Sperber dan Wilson (1995) berpandangan bahawa setiap tingkah laku komunikasi menimbulkan andaian bahawa ujaran itu menimbulkan andaian relevans yang optimum. Prinsip ini mengandaikan bahawa setiap ujaran yang disampaikan oleh penutur adalah cukup relevan dan berbaloi untuk diproses bagi mencapai kesan kognitif yang tinggi. Dalam TR, relevans bersifat komparatif atau '*is a matter of degree*' dan ditentukan oleh dua parameter yang saling berinteraksi, iaitu kesan kognitif dan usaha memproses. Kesan kognitif yang dicapai bergantung pada sumbangan input dan pengetahuan/andaian pendengar (contohnya sumbangan input mungkin akan menguatkan andaian sedia ada, membetulkan andaian, atau menghasilkan kesimpulan baharu). Usaha memproses pula dianggap sebagai kos bagi kognitif yang diperlukan untuk mentafsir input. Sesuatu input dianggap lebih relevan apabila menghasilkan lebih banyak kesan kognitif pada kos pemprosesan yang lebih rendah. Selari dengan itu, kajian ini mentafsir konteks dari sudut pandang TR sebagai seberkas andaian (bukan semata-mata persekitaran fizikal atau ujaran terdahulu), yang boleh merangkumi pengetahuan budaya, pengalaman, kepercayaan, memori, dan jangkaan terhadap penutur. Bagi operasi analisis, kajian memanfaatkan prosedur inferens TR yang lazim, iaitu:

- i. **Penyahtaksaan:** memilih makna leksikal/gramatikal yang paling munasabah bagi token *beR-* berdasarkan konteks.
- ii. **Pemilihan rujukan:** menentukan rujukan entiti/peristiwa yang relevan untuk menstabilkan tafsiran.
- iii. **Pengayaan:** memperkaya kandungan eksplisit (eksplikatur) supaya proposisi yang lengkap dapat dibina.

Kajian ini juga meneliti bagaimana implikatur terhasil apabila pembaca menggabungkan maklumat eksplisit dengan andaian konteks untuk mencapai tafsiran yang memenuhi jangkaan relevans. Dalam kerangka ini, penggunaan bentuk beR- yang kelihatan tidak produktif atau tidak lazim dalam BM standard

kontemporari ditafsir sebagai pilihan yang ostensif dalam genre dan latar masa itu, iaitu bentuk yang dijangka dapat diproses oleh audiens pada waktu itu dengan kos yang rendah dan menghasilkan kesan kognitif yang tinggi.

Prosedur Analisis

(i) Tahap 1: Pengelasan imbuhan beR- pada peringkat nahu

Pada tahap pertama, setiap token berawalan beR- dianalisis dan dikelaskan berdasarkan pemerian tatabahasa rujukan, khususnya pengertian awalan beR- mengikut Tatabahasa Dewan. Pengelasan dilakukan secara sistematik dengan langkah berikut:

1. mengenal pasti kata dasar dan kategori leksikalnya (KK/KN/KA) berasaskan petunjuk makna dan fungsi dalam ayat
2. memadankan token dengan pengertian awalan beR- yang sepadan (contohnya pengertian 'melakukan perbuatan', 'refleksif', 'bersalingan', 'mempunyai', 'memakai/menggunakan', 'berada dalam keadaan', dan sebagainya.
3. menandai token yang tidak dapat dipadankan secara munasabah dengan kategori pengertian yang tersedia (iaitu token yang menunjukkan penyimpangan makna atau fungsi atau menghasilkan tafsiran yang tidak memadai apabila diuraikan secara bebas konteks).

Hasil pengelasan pada tahap ini berfungsi sebagai peta inventori, iaitu ia membezakan data yang dapat dijelaskan dari sudut nahu daripada data yang memerlukan penjelasan berasaskan konteks.

(ii) Tahap 2: Analisis pragmatik imbuhan beR- berasaskan teori Relevans

Token yang tidak terkelas atau yang memperlihatkan kerencaman makna atau fungsi dianalisis seterusnya berdasarkan teori Relevans untuk mencungkil maksud kata berimbuhan beR- yang terbentuk dalam konteks ujaran. Analisis TR dilaksanakan secara inferens dengan memberikan perhatian terhadap tiga perkara yang berikut:

- i. Konteks sebagai set andaian yang boleh diakses daripada teks, termasuk maklumat wacana terdahulu, latar peristiwa, dan pengetahuan ensiklopedik pembaca/pendengar yang munasabah.
- ii. Proses interpretasi yang melibatkan penyahtaksaan, pemilihan rujukan, dan pengayaan (*pragmatic enrichment*) untuk membina eksplikatur yang memadai.
- iii. Pembinaan implikatur melalui pertimbangan kesan kognitif dan usaha pemprosesan, dengan sasaran mencapai tafsiran yang memenuhi jangkaan relevans optimum.

Melalui kerangka ini, kajian ini meneliti bagaimana bentuk kata berawalan beR- dalam HAK dapat berfungsi sebagai pilihan yang ostensif dalam komunikasi komuniti penutur pada latar masa tersebut, termasuk apabila bentuk tersebut tidak lagi produktif atau tidak lazim dalam BM standard kontemporari.

Strategi Persampelan bagi Analisis Perinci

Walaupun inventori token awalan beR- yang dikenal pasti agak banyak, iaitu sebanyak 1446 token daripada keseluruhan bab dalam HAK, namun hanya 138 token berimbuhan beR- daripada lima bab yang pertama disenaraikan dalam bahagian ini (frekuensi bentuk yang berulang tidak diambil kira). Bagaimanapun, hanya empat data terpilih daripada lima bab yang pertama dianalisis secara perinci atas sebab kekangan ruang penulisan artikel. Pemilihan data dibuat berasaskan prinsip representatif dan nilai analitik, iaitu (i) data yang menunjukkan ketidakselarasan dengan pengertian beR- dalam tatabahasa rujukan, (ii) data yang kaya konteks naratif untuk inferens pragmatik, dan/atau (iii) data yang berpotensi memperlihatkan isyarat perubahan penggunaan daripada segi diakronik. Senarai token yang dikumpulkan daripada lima bab yang pertama adalah seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1

Senarai Kata Berimbuhan beR- yang Terdapat dalam 5 Bab Pertama HAK

Bil	Kata berimbuhan beR-	Bil	Kata berimbuhan beR-	Bil	Kata berimbuhan beR-
1.	Beradu	47.	Berhantu	93.	Berperang
2.	Beradun	48.	Berhantuk	94.	Berpermata
3.	Beraduni	49.	Berharga	95.	Berpesawat
4.	Berair	50.	Berharta	96.	Berpangkat
5.	Berajung	51.	Berhayam-hayaman	97.	Berpinang
6.	Berakit	52.	Berhimpun	98.	Berpinta
7.	Berambat	53.	Beriak	99.	Bersanggul
8.	Berambit	54.	Berilmu	100.	Bersapu
9.	Berbabat	55.	Berikut	101.	Bersarbang
10.	Berbaju	56.	Berjambul-jambul	102.	Berseru-seru
11.	Berbandang	57.	Berjandin	103.	Bersesal
12.	Berbantal	58.	Berjanji	104.	Bersigat
13.	Berbarai	59.	Berjauh	105.	Bersigup
14.	Berbayang-bayang	60.	Berjual	106.	Bersikaras
15.	Berbayung	61.	Berjuntun-juntun	107.	Bersila
16.	Berbedak	62.	Berjurut	108.	Bersilam
17.	Berbisai	63.	Berkabung	109.	Bersimpuh
18.	Berbongkar	64.	Berkadal-kadal	110.	Bersinduk
19.	Berbuat	65.	Berkala	111.	Bersingkir-singkir
20.	Berbunga	66.	Berkampil	112.	Bersirat
21.	Berbungkus	67.	Berkarap-karapan	113.	Bersulam
22.	Berbuyah	68.	Berkebun	114.	Bersulur-sulur
23.	Bercabul	69.	Berkelahi	115.	Bersusun
24.	Bercacat	70.	Berkiap-kiap	116.	Bertambah
25.	Bercermin	71.	Berkirik	117.	Bertampuk
26.	Bercimbuk	72.	Berkubambang	118.	Bertamu
27.	Bercincin	73.	Berkukuak	119.	Bertandak
28.	Bercuahuan	74.	berkumbang	120.	Bertantang
29.	Bercumbuk	75.	Berkurap	121.	Bertapa
30.	Berdaham	76.	Berlagahan	122.	Bertapak
31.	Berdamai	77.	Berlagas	123.	Bertatah
32.	Berdudun	78.	Berlaju	124.	Bertatas
33.	Berdusta	79.	Berlamas	125.	Bertaup-taup
34.	Berehat	80.	Berlangir	126.	Bertelekan
35.	Bergagas -gagas	81.	Berlepihi	127.	bertemu
36.	Bergagata	82.	Berlipat	128.	Bertentuan
37.	Bergalap	83.	Berlupa	129.	Berteriak
38.	Berganta	84.	Bernaga-nagaan	130.	Bertikam
39.	Bergelang	85.	Bernama	131.	Bertindih

(bersambung)

Bil	Kata berimbuhan beR-	Bil	Kata berimbuhan beR-	Bil	Kata berimbuhan beR-
40.	Bergulung	86.	Bernanang	132.	Bertitir
41.	Bergantung	87.	Berpacar	133.	Bertinggal
42.	Bergurau	88.	Berpanggal	134.	Bertolak
43.	Berguru	89.	Berpanggal-panggal	135.	Bertunang
44.	Berhabar	90.	Berpangkat	136.	Bertutur
45.	Berhabuk	91.	Berpantas	137.	Berumbai-rumbai
46.	Berhajat	92.	Berperada	138.	Berunding

Sokongan Empiris: Triangulasi Produktiviti melalui Carian Korpus

Bagi menyokong hujah tentang produktiviti dan kelaziman bentuk tertentu, kajian turut memanfaatkan semakan tambahan melalui carian korpus dari pangkalan data korpus DBP untuk menilai sama ada bentuk berawalan beR- yang ditemui dalam HAK masih produktif dalam teks BM moden. Triangulasi ini membantu penulis untuk membezakan (i) bentuk yang masih digunakan secara meluas, dengan (ii) bentuk yang bersifat terhad/arkaik, lalu mengukuhkan tafsiran bahawa sebahagian pola dalam HAK mencerminkan ragam penggunaan yang dipengaruhi latar masa, genre, dan komuniti tutur.

Secara keseluruhan, metodologi bertahap ini membolehkan kajian ini menghubungkan pemerian nahu dengan penjelasan pragmatik, dan menjadikan analisis awalan *beR-* dalam HAK lebih kukuh dari segi kebolehesanan data, ketekalan pengelasan, dan ketepatan penafsiran kontekstual.

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Seperti yang dihuraikan dalam perenggan sebelumnya, data dianalisis secara bertahap. Pada tahap pertama, setiap token berawalan beR- dianalisis berdasarkan pemerian pengertian awalan beR- mengikut Tatabahasa Dewan. Pengelasan dilakukan bagi mengenal pasti kata dasar dan kategori leksikalnya (KK/KN/KA), memadankan token dengan pengertian awalan beR- yang sepadan dan menandai token yang tidak dapat dipadankan secara munasabah dengan kategori pengertian yang tersedia (iaitu token yang menunjukkan penyimpangan makna atau fungsi atau menghasilkan tafsiran yang tidak memadai apabila dihuraikan secara bebas konteks).

Pada tahap kedua, token yang tidak terkelas atau yang memperlihatkan kerencaman makna atau fungsi dianalisis berdasarkan teori Relevans untuk mencungkil maksud kata berimbuhan beR- yang terbentuk dalam konteks ujaran. Analisis TR dilaksanakan secara inferens dengan memberikan perhatian terhadap tiga perkara yang

Data 1

Teks dalam HAK:

“Sebentar kemudian ajung Si Lancang Kuning Si Naga Sakti itu pun disaat-saatnya dengan dicacah-cacahnya dengan pepatah dengan petiti dengan Penuduh Burung orang tuha-tuha lagi dahulu; belum bercacat belum bercabul barang sedikit cacahnya, yang olehnya menuntut berguru arah Raja Jin tujun seperadian (adik-beradik) di Gadung Batu di Bukit Si Guntang, sedikit pun hinda ada yang bertinggal akan, habis dikenangnya, habis diingatnya, habis dipakainya” (HAK, 1992, hlm. 33)

Dalam data 1, kata yang dikenal pasti berawalan beR- ialah bercacat dan bercabul. Bagi menentukan golongan kata dan pengertian kata berawalan beR- ini, maka golongan kata dasar yang menerima imbuhan

beR- tersebut perlu dikenal pasti terlebih dahulu. Hal ini demikian kerana setiap imbuhan dalam BM hanya akan bermakna apabila digabungkan dengan kata dasar yang tertentu (Jaludin Chuchu, 2008). Bagi kata yang pertama, iaitu bercacat, kata dasar yang menerima awalan beR- ialah ‘cacat’. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), cacat didefinisi sebagai berkekurangan atau keadaan kurang sempurna (kurang lengkap, kurang baik), cela, kurang elok, sifat kurang baik atau kekurangan yg terdapat pd sesuatu; cela. Berdasarkan definisi ini, maka cacat dapat digolongkan sebagai kata sifat atau adjektif kerana bersinonim dengan tidak lengkap, kurang sempurna, kurang baik atau cela. Lengkap, sempurna, baik dan cela merupakan golongan kata adjektif. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan ayat yang berikut:

(i). Barang ini cacat [kurang elok] sedikit.

(Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016)

Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), adjektif yang menerima awalan beR- mendukung pengertian berada dalam keadaan, contohnya bergembira, bersedih dan bermuram. Kesemua adjektif ini ialah adjektif perasaan, manakala cacat pula digolongkan sebagai adjektif pancaindera. Pengertian kedua awalan beR- yang menerima kata adjektif pula ialah memperoleh. Contoh yang diberikan Nik Safiah Karim et al. (2015) ialah:

(ii). Pasangan itu beruntung kerana mendapat anak kembar.

(Nik Safiah Karim et al., 2015, hlm. 169)

Bagi menentukan sama ada bercacat mendukung makna seperti yang dihuraikan oleh Nik Safiah Karim et al. (2015) di atas, maka ujaran yang menggunakan kata bercacat di atas dapat diparafrasa dengan pengertian yang diberikan Nik Safiah Karim et al., seperti berikut:

(iii). Sebentar kemudian ajung Si Lancang Kuning Si Naga Sakti itu pun disaat-saatnya dengan dicacah-cacahnya (dicecah-cecahnya) dengan pepatah dengan petitih (mantera) dengan Penuduh Burung orang tuha-tuha lagi dahulu; belum berada dalam keadaan cacat belum bercabul barang sedikit cacahnya....

atau

(iv). “Sebentar kemudian ajung Si Lancang Kuning Si Naga Sakti itu pun disaat-saatnya dengan dicacah-cacahnya (dicecah-cecahnya) dengan pepatah dengan petitih (mantera) dengan Penuduh Burung orang tuha-tuha lagi dahulu; belum memperoleh/mendapat cacat belum bercabul barang sedikit cacahnya....

Berdasarkan pengertian imbuhan beR- yang digabungkan dengan adjektif, maka bercacat dapat diterima sebagai berada dalam keadaan dan boleh juga diterima sebagai memperoleh atau mendapat kerana ujian penggantian dalam ayat (iii) dan (iv) menunjukkan maksud ujaran ini tidak menyimpang daripada maksud asal bercacat dalam data 1, iaitu belum menjadi/kena cacat.

Bagaimanapun, KDEK (2016) turut memberikan definisi bagi kata bercacat sebagai mempunyai cacat. Berdasarkan definisi ini, maka kata cacat tergolong sebagai kata nama kerana menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), imbuhan beR- yang digabungkan dengan kata namalah yang mendukung pengertian mempunyai. Contohnya, kata berbaju, berumah, dan beristeri.

Oleh itu, kata dasar cacat dalam data didapati dapat dikelaskan sebagai adjektif dan kata nama juga kerana makna bercacat dalam ayat (iii) dan (iv) menyamai maksud bercacat yang digunakan dalam HAK dan menyamai makna bercacat yang diberikan KDEK (2016), iaitu 'mempunyai cacat'. Penjelasan kata berimbuhan beR- dari sudut pandang nahu, iaitu Tataahasa Dewan (2015) membolehkan makna kata bercacat diperoleh berdasarkan pengertian awalan beR- yang digabungkan dengan KN dan adjektif.

Bagaimanapun, bentuk kata bercacat yang mendukung maksud seperti dalam ayat (iii) dan (iv) serta bercacat yang mendukung makna mempunyai cacat, didapati bukanlah bentuk yang produktif kerana carian leksikal bercacat dalam pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka yang meliputi semua jenis bahan atau dokumen serta meliputi tahun 1900 sehingga awal 2000-an menunjukkan hanya 4 konkordans yang ditemui seperti yang berikut:

Carian Kata: bercacat

Bil. Konkordans: 4 konkordans dijumpai.

- a) Sudah untung hendak bercacat, Tengah bekerja menjadi terkinjat, Sudahlah nasib akan terpecat, Sungguh mengiring ... | MISA MELAYU.Sastera, 1992
- b) Keikhlasan hati anak muda itu nyatalah tiada bercacat. | TITISAN INDAH DI BUMI MERKAH.Sastera, 1985
- c) ... itu tidak ubah keadaannya dengan barang porselen. Jika dia sudah bercacat, tak mungkin dapat diperbaiki lagi. | SALAH ASUHAN.Sastera, 1991
- d) ... yang banyak itu, tidak banyak cacatnya, malah ada yang tidak bercacat sama sekali, tetapi entahlah, dia tidak suka, habis perkara. | SALAH ASUHAN.Sastera, 1991

Penggunaan kata bercacat yang terhad dalam korpus ini menunjukkan bahawa penutur BM tidak lagi menggunakan beR+ cacat dengan maksud berada dalam keadaan cacat, memperoleh/mendapat cacat dan mempunyai cacat, sebaliknya dalam BM moden, cacat digunakan tanpa imbuhan beR- walaupun bagi menyatakan maksud berada dalam keadaan cacat, mendapat cacat dan mempunyai cacat.

Carian leksikal cacat dalam pangkalan data korpus Dewan Bahasa, menunjukkan sejumlah 10,000 konkordans (jumlah maksimum yang dapat dijana) yang menggunakan kata cacat dalam ayat sebagai bermaksud di atas. Contohnya,

- e) ... entahkan gagap, entahkan hitam legam, entahkan ada apa-apa cacat di mukanya, atau apa-apa lain. | ZAMAN GERHANA.Sastera, 1976
- f) .. sebagainya yang akan menyebabkan sesuatu penulisan sejarah itu cacat dan dianggap memihak, berat sebelah, diperbesar-besarkan atau amnya ... | Ilmu Sejarah Falsafah Pengertian Kaedah dan Sejarah, 2016
- g) Tidak berbadan cacat, tangkas dan cerdas serta memiliki kematangan dan keahlian ... | KELUARGA JULAI 1979.Keluarga, 1979

- h) Berita Harian semalam melaporkan Mohd Nor yang cacat mata kanan, parah dibelasah sekumpulan lelaki selepas mendakwanya ...
| Polis pertahan tindakan gari Mohd Nor Irfan. Mahkamah dan Jenayah, 2006
- i) ... gah namanya di hamparan dunia tapi masih ada cacat celanya.
| (Sajak). Sastra dan Budaya, 2000
- j) .. tuan puteri tu mau bersuamikan seorang yang tiada cacat.
| ZAMAN GERHANA. Sastra, 1976
- k) ... pun semua itu tidak kesampaian apabila akhirnya dia cacat selepas terpijak periuk api yang tertanam di dusunnya...
| Budi Tanpa Sempadan. Sastra, 2016

Konkordans yang dijana menunjukkan bahawa korpus BM moden cenderung menggunakan ada + cacat atau cacat sahaja dengan maksud mempunyai cacat.

Dalam konteks penggunaan kata bercacat dalam data 1, perlu difahami bahawa teks ini merupakan prosa lama dalam bentuk lisan [dikenali sebagai pitaran dalam dialek Kedayan]. Bahasa yang digunakan dalam teks ini merupakan bahasa lama juga [gabungan BM dan dialek Kedayan] dan ditambah baik oleh penyelenggaranya. Dalam konteks penyampaian cerita rakyat dengan tujuan untuk menghiburkan pendengar pada zaman dahulu kala, bahasa yang digunakan oleh penglipurlara ini tentunya bersesuaian dengan kebolehan pendengar atau audiens untuk memahaminya. Dengan kata lain, bahasa yang digunakan penglipurlara ini bukanlah bahasa yang sewenang-wenangnya dan tentunya gaya bahasa ini cuba dikekalkan oleh penyelenggara teks HAK ini. Penggunaan kata berawalan bercacat yang mendukung makna mendapat cacat atau menjadi cacat dalam HAK pastinya bentuk yang dapat difahami oleh audiens ketika itu juga. Bentuk kata bercacat dengan maksud mempunyai atau menjadi cacat pastinya bukanlah bentuk yang janggal bagi pengguna BM dan dialek Kedayan ketika itu. Dari sudut teori Relevans, khususnya prinsip Relevans komunikatif, penutur atau penglipurlara diharapkan dapat memberikan maklumat yang berbaloi untuk diproses selaras dengan kognitif pendengar. Penutur yang berhajat agar komunikasinya difahami dan dapat diinterpretasi oleh pendengar mestilah menjadikan komunikasinya cukup relevan untuk diproses. Prinsip ini membolehkan pendengar menyimpulkan maksud penutur dengan menjangka ujaran yang disampaikan adalah relevan secara optimum (iaitu menimbulkan kesan kognitif yang signifikan dengan usaha memproses yang rendah). Dengan kata lain, penggunaan kata bercacat tidak menghalang pemahaman pendengar dan tidak menyebabkan kos memproses yang tinggi bagi mencapai kesan kognitif yang tinggi kerana pendengar dan penutur berkongsi pengalaman yang sama dan berada dalam persekitaran sosial yang sama. Selain itu, penutur juga memberikan maklumat konteks yang jelas mencukupi bagi membolehkan ujaran ini difahami oleh pendengar. Cthnya, ... belum bercacat belum bercabul barang sedikit cacahnya, dengan jelas dapat dimaksudkan sebagai 'belum mendapat' atau 'mempunyai cacat' berdasarkan ujaran yang hadir sebelumnya. Bahagian 'Sebentar kemudian ajung Si Lancang Kuning Si Naga Sakti itu pun disaat-saatnya dengan dicacah-cacahnya dengan pepatah dengan petitih dengan Penuduh Burung orang tuha-tuha lagi dahulu...' pula merupakan sebab atau punca bagi keadaan '...belum bercacat..' (sebagai hasil atau akibat).

Walaupun perkataan bercacat tidak digunakan secara produktif lagi pada masa ini, namun penggunaan kata bercacat dalam tek HAK adalah sesuai dengan kebolehan kognitif pendengar pada masa itu. Data ini merupakan suatu dapatan yang menarik bagi menjelaskan bahawa atas sifat teks ini yang berlatarkan zaman

silam dan bahasanya juga bersifat klasik, maka suatu evolusi perubahan makna kata berawalan beR- secara diakronik dapat diperlihatkan dalam analisis data 1 ini.

DATA 2

Berdasarkan petikan yang sama dalam data 1, leksikal yang berawalan beR-... yang dikenal pasti ialah bercabul, iaitu golongan kata kerja tak transitif. Bagi menentukan pengertian kata berawalan beR- ini, maka golongan kata dasarnya perlu dianalisis dengan lebih lanjut. Dengan merujuk KDEK (2016), cabul bermaksud:

1. keji dan kotor, tidak sopan, tidak senonoh, melanggar kesusilaan (berkenaan perbuatan, tindakan, pertuturan, dll), 2. melanggar adat dan kebiasaan, (sangat) buruk: 3. melanggar larangan (pantang); 4. berbuat cabul; 5. berjangkit dan merebak (berkenaan penyakit), bermaharajalela; 6. mencabul, mencabuli 7. menodai, mencemari (kehormatan perempuan dll): atau merosakkan kesucian (seseorang gadis); 8. memperkosa atau melanggar (kedaulatan, hak, dsb):~;

Berdasarkan data 1 di atas, maka cabul yang dimaksudkan dalam ujaran tersebut ialah keji, atau kotor (berkenaan perbuatan, tindakan, pertuturan), buruk atau rosak. Hal ini bersesuaian dengan konteks ujaran dalam data 1, yang dapat diparafrasa sebagai 'pepatah dan petiti (mantera) yang dilemparkan oleh Penuduh Burung pada Si Lancang Kuning si Naga Sakti itu tidak menyebabkannya bercacat (menjadi cacat) atau bercabul (menjadi kotor, buruk atau rosak) sedikit pun barang cacahnya. Hal ini secara tidak langsung membolehkan kata cabul dikelaskan sebagai adjektif juga. Seperti bercacat, bercabul juga dapat diertikan sebagai 'berada dalam keadaan' dan boleh juga bermaksud sebagai 'memperoleh atau mendapat'. Walau bagaimanapun, bercabul juga bukanlah bentuk yang produktif dalam BM (berdasarkan carian dalam semua jenis teks atau korpus dalam pangkalan data korpus DBP). Hanya 3 konkordans diperoleh berdasarkan carian yang dibuat, iaitu:

Carian Kata: bercabul

Bil. Konkordans: 3 konkordans dijumpai.

a) .. tak insafilah anak itu akan badai dan gelombang yang sedang bercabul dalam kalbu ibunya.

| SALAH ASUHAN.Sastra, 1991

b) ... jika dilihat benar-benar akan hakikatnya lagi ada berkacau-bilau, lagi ada bercabul di dalamnya penyakit hasad, penyakit bingit, penyakit hina menghinakan, penyakit ...

| IAKAH SALMAH? Sastra, 1975

c) ... takut sekali ialah 99 peratus daripadanya menghidap sakit perempuan kerana bercabul dengan perempuan sundal.

| CERPEN-CERPEN PAKSAKO.Sastra, 1995

Bukti daripada konkordans ini menunjukkan bahawa penggunaan kata bercabul sangat terhad dan digunakan dalam karya lama iaitu hampir 100 tahun yang lalu, dan digunakan dalam tempoh yang singkat. Salah Asuhan misalnya merupakan novel yang diterbitkan kali pertama oleh Balai Pustaka pada tahun 1928 (https://ensiklopedia.kemdikbud.go.id/sastra/artikel/Salah_Asuhan) dan Iakah Salmah pula diterbitkan pada 1927. Carian leksikal bercabul daripada *Malay Concordance Project* (<https://mcp.anu.edu.au/cgi-bin/tapis.pl>) pula menunjukkan hanya 7 kata bercabul dijumpai daripada 167 teks lama (Teks Majlis (1932), Teks Saudara (1930) dan *Spraak Ende Woord Boek* (1603)).

Dalam BM moden, kata cabul lebih cenderung digunakan dengan imbuhan meN- dan membentuk kata kerja transitif dengan maksud (1). melanggar adat dan kebiasaan (berkenaan kelakuan dsb) (2). mencabuli, menodai, mencemari (kehormatan perempuan dll) (3). memperkosa atau melanggar (kedaulatan, hak, dsb); mencabul, mencabuli, (4). menodai, mencemari (kehormatan perempuan dll): menodai atau merosakkan kesucian (seseorang gadis); (5). memperkosa atau melanggar (kedaulatan, hak, dsb). Manakala cabul yang bermaksud (1). keji dan kotor, tidak sopan, tidak senonoh, (2). melanggar kesusilaan (bkn perbuatan, tindakan, pertuturan, dll), melanggar adat dan kebiasaan (bkn kelakuan dsb), (sangat) buruk; (3). melanggar larangan (pantang); (4). berjangkit dan merebak (bkn penyakit) banyak ditemui dalam teks lama (<https://mcp.anu.edu.au/cgi-bin/tapis.pl>).

Penggunaan kata bercabul dalam karya HAK pada masa dahulu tentunya didasari oleh latar masa dan latar sosial audiens ketika itu. Ertinya, kata bercabul ini ialah kata yang dapat difahami oleh audiens ketika itu kerana penulis yakin bahawa pembaca berkongsi pengetahuan latar belakang yang sama, sumber – sumber pengetahuan yang sama dan mempunyai kemampuan kognitif yang sama. Penutur HAK ini juga menyakini bahawa beliau telah memberikan tingkah laku yang ostensif (jelas atau terang), iaitu maklumat konteks, misalnya ujaran yang hadir sebelum frasa belum bercabul (rujuk analisis dalam data 1) dan menyebabkan ujarannya cukup relevan dan berbaloi untuk diproses oleh pendengar. Dalam hal ini, Sperber dan Wilson (1995: 281) berpendapat bahawa:

“The speaker must make some assumptions about the hearer’s cognitive abilities and contextual resources, which will necessarily be reflected in the way she communicates, particularly in what she chooses to make explicit or what she chooses to leave implicit.”

Ertinya penulis terlebih dahulu perlu membuat andaian tentang kemampuan kognitif dan sumber pengetahuan pembaca kerana ia membolehkan penulis menentukan bagaimanakah penulis dapat berkomunikasi khususnya tentang perkara yang ingin disampaikan secara tersurat atau yang ingin disampaikan secara tersirat.

Sebagai sebuah karya sastra rakyat yang disampaikan secara lisan, yang merupakan sumber hiburan rakyat ketika itu, pencipta karya ini tentunya berhasrat agar karyanya difahami oleh pendengarnya. Penutur yang bermatlamatkan maklumatnya difahami pastinya memberikan maklumat yang semudah mungkin dan ujarannya bersifat eksplikatur bagi membolehkan pendengarnya melakukan inferens dan menyahtaksakan ujaran yang kabur.

DATA 3

“Segala ilmu kebal kuat serta sakti, segala ilmu besi-besian, alat senjata serta persilatan orang tuhatuha dahulu yang belum bercacat barang sedikit yang olehnya menuntut berguru masanya lagi muda gagah arah Raja Jin tujuh seperadian di Gadung Batu di Bukit Si Guntang, sedikit hinda bertinggal, habis dikenangnya, habis diingatnya, habis dipakainya” (HAK, 1992, hlm. 9).

Berdasar Data 3, kata yang berawalan beR- ialah bertinggal. Seperti data 1 dan data 2, makna awalan beR- + tinggal hanya dapat ditentukan apabila golongan kata tinggal dapat dikenal pasti. Dengan merujuk KDEK (2016), makna kata tinggal ialah 1. diam (di), menetap, 2. terus berada di (tidak berundur dr), masih ada (di sesuatu tempat): 3. yg ada lagi, bakinya, berbaki, bersisa.

Berdasarkan konteks ujaran data 3, kata dasar tinggal dapat digolongkan sebagai kata kerja. Kata tinggal secara khusus bermaksud seperti makna (3), iaitu yg ada lagi, bakinya, berbaki, bersisa. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan parafrasa bahagian ayat dalam data 2 seperti berikut:

(v) "...sedikit tidak masih ada, habis dikenangnya, habis diingatnya, habis dipakainya.

(vi). "...sedikit tidak berbaki, habis dikenangnya, habis diingatnya, habis dipakainya.

(vii) "...sedikit tidak bersisa, habis dikenangnya, habis diingatnya, habis dipakainya.

Ujian penggantian dalam (v) hingga (vii) ini membolehkan awalan beR- + KK ini dipadankan dengan pengertian beR- oleh Nik Safiah Karim et al. (2015), iaitu melakukan perbuatan dengan maksud seperti yang terkandung dalam kata dasar. Dengan kata lain, bertinggal dalam teks HAK membina proposisi 'tiada suatu yang tertinggal/ tersisa'.

Walau bagaimanapun, bentuk bertinggal dalam BMS tidak digunakan secara lazim malahan tidak produktif dalam penulisan mahupun lisan. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan carian kata bertinggal dalam semua sumber bahan dan semua tahun dalam pangkalan data korpus DBP. Carian menunjukkan hanya satu konkordans dijumpai.

Carian Kata: bertinggal

Bil. Konkordans: 1 konkordans dijumpai.

a). Indah pada awal penggal kias madah bertinggal taruhan memujuk muluk kasihnya tunggal mengajuk elok sebuah kesungguhan. ...

| SITI NOORISA ABDUL KHLIL. Tunas Cipta Februari 2021. Umum, 2021

Sebagai karya kreatif, penggunaan kata bertinggal dalam tulisan Siti Noorisa Abdul Khlil di atas bukanlah bentuk kata yang baku kerana gaya bahasa karya kreatif seperti ini sering melanggar peraturan bahasa. Penulis karya kreatif biasanya memegang lesen puitis (*poetic licence*) dalam penulisan karya mereka. Oleh itu, bentuk bertinggal dalam konkordans di atas tidak dapat diaggap sebagai mewakili bentuk kata yang standard oleh pengguna BM.

Dalam konteks BMS, bentuk kata bertinggal dalam data 3 lazimnya digunakan sebagai ditinggalkan. Contohnya, "...sedikit tidak ditinggalkan, habis dikenangnya, habis diingatnya, habis dipakainya". Hal ini selaras dengan kata kerja yang mengikutinya, iaitu dikenangnya, diingatnya, dan dipakainya. Kata ditinggalkan ini sebenarnya ialah variasi bentuk pasif yang berasal daripada kata kerja aktif meninggalkan.

Penjelasan kata bertinggal pada peringkat nahu bagaimanapun hanya mampu memberikan label awal bagi kata bertinggal sebagai KK tak transitif dan memadankan makna kata berimbuhan beR- mengikut pengertian TBD tetapi tidak dapat menjelaskan mengapa bentuk *beR-* dipilih sebagai pengungkapan 'pasif' dalam teks. Oleh sebab itu, pemerian bentuk ini perlu diteruskan berdasarkan pendekatan pragmatik yang mengambil kira perihal konteks, kognitif pengguna bahasa, latar sosial dan latar masa serta fungsi bahasa ketika bahasa tersebut digunakan. Dalam hal ini, TR yang didasari oleh sains kognitif dimanfaatkan bagi menjelaskan penggunaan bentuk bertinggal dalam dalam teks HAK.

Dari sudut pragmatik, TR mengandaikan tiga perkara berikut sebagai asas komunikasi. Yang pertama, makna ayat ialah sarana bagi menyampaikan maksud penutur dan maksud penutur ini ialah pernyataan hajat yang disampaikan secara jelas dan nyata dan pernyataan ini dipenuhi dengan cara difahami (oleh pendengar). Yang kedua, makna penutur tidak boleh ditanggap dan didekod dengan sewenang-wenangnya, sebaliknya harus ditafsirkan berdasarkan tingkah lakunya dan maklumat konteks. Yang ketiga, dalam

usaha untuk menyimpulkan makna penutur, pendengar mestilah dipandu dengan jangkaan bahawa tingkah laku komunikatif tersebut mestilah memenuhi kriteria yang tertentu (bagi teori relevans, kriteria yang perlu dipenuhi ialah relevans yang optimum) (Wilson, 2016).

Atas alasan ini, maka penggunaan bentuk bertinggal dapat dianggap sebagai eksplikatur yang jelas dan nyata yang disampaikan oleh penutur (penglipur lara tersebut) kepada pendengar. Dengan kata lain, penglipur lara yakin bahawa bentuk ini dapat difahami dan dapat didekod atau ditafsirkan berdasarkan tingkah laku dan maklumat konteks yang disampaikan. Misalnya ‘..., sedikit hinda bertinggal, habis dikenangnya, habis diingatnya, habis dipakainya” membolehkan pendengar membuat inferens dengan mudah kerana wujudnya keselarasan bentuk frasa yang hadir selepas frasa hinda bertinggal, iaitu habis dikenangnya, habis diingatnya, habis dipakainya sebagai klu prosedur bagi proses penginterpretasian.

Sekiranya penutur (penglipur lara) tidak menggunakan bentuk-bentuk kata yang dapat difahami oleh pendengarnya, dan memberikan klu yang jelas bagi proses penginterpretasian, maka hajatnya sebagai seorang penghibur tentulah tidak tercapai. Menurut KDEK (2016), penglipur bermaksud orang yg menghibur atau melipur, penghibur; ~ lara (Sas) orang yg menghiburkan hati yg duka (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=penglipur>). Oleh itu, sesuai dengan tugasnya sebagai penghibur, maka penglipur lara tersebut menyakini bahawa beliau telah memberikan tingkah laku yang ostensif (jelas atau terang) dan menyebabkan ujarannya cukup relevan untuk menarik perhatian pendengar untuk memproses dan memahami ayat ini. Selain menggunakan bahasa yang jelas dan mudah difahami, penglipur lara ini juga yakin bahawa pendengarnya berkongsi latar belakang yang sama, sumber-sumber pengetahuan yang sama dan kemampuan kognitif yang sama.

Huraian yang diberikan di atas menunjukkan bahawa penggunaan bentuk kata seperti bertinggal misalnya bukanlah bentuk kata yang digunakan sewenang-wenangnya sebaliknya bentuk kata ini disepakati dan mendukung makna yang dapat difahami berdasarkan konteks ujarannya dan dapat diinterpretasi oleh pendengar dengan memproses semua sebarang rangsangan luar atau representasi dalaman yang menjadi input kepada proses kognitif yang mungkin relevans pada seseorang individu pada suatu masa yang tertentu (Sperber & Wilson, 2002). Semua input yang relevans secara maksimum akan dikaitkan dengan maklumat latar belakang seseorang individu dan berdasarkan syarat TR, sesuatu input adalah relevans pada seseorang individu hanya apabila pemprosesan input ini dalam konteks andaian yang ada menghasilkan kesan kognitif yang positif (Hasmidar Hassan et al., 2022).

Ternyata, data ini merupakan suatu penemuan yang menarik untuk menjelaskan bahawa BM bersifat dinamik selaras dengan latar sosial dan kognitif penuturnya. Suatu hal yang perlu diakui ialah, makna sesuatu bentuk kata itu tidak tetap dan perlu dianalisis berdasarkan penuturnya dalam masa dan ruang sosial yang melatarinya.

DATA 4

“Habis diingatnya, habis dipakainya; sedikit pun hinda ada bertinggal akan, sedikit pun hinda berlupa akan” (Bab 8, Ms 91)

Data 4 menunjukkan bahawa kata yang berawalan beR- ialah berlupa. Bagi menentukan makna kata berlupa dalam data 4, maka golongan kata dasar yang menerima imbuhan awalan beR- perlu dikenal pasti terlebih dahulu. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, mana-mana imbuhan akan hanya mempunyai makna dan fungsi apabila ditambah pada bentukbentuk bebas (kata dasar) yang tertentu (Nik Safiah Karim et al., 2015: 44).

Berdasarkan definisi KDEK (2016), kata lupa bermaksud: 1. = ~ akan (kpd, pd) tidak timbul dlm fikiran, tidak ingat, tidak sedar; 2. = ~ oleh tidak teringat, tidak diingat; 3. kurang ingat (akan), lali (akan), lengah (akan) b) kurang baik atau lemah ingatannya (orang tua); 4. lupa akan, tidak ingat akan; 5. menghilangkan drpd ingatan, menjadikan lupa.

Dengan merujuk definisi kamus di atas, maka kata dasar lupa dapat digolongkan sebagai kata kerja (tak transitif tak berpelengkap). Berdasarkan konteks data 3, kata lupa secara khusus bermaksud (3). tidak timbul dlm fikiran, tidak ingat, tidak sedar. Ujian yang penggantian yang berikut dapat membuktikan bahawa lupa bermaksud tidak timbul dlm fikiran, tidak ingat, tidak sedar. Contohnya:

(viii). Habis diingatnya, habis dipakainya; sedikit pun hinda ada bertinggal akan, sedikit pun hinda timbul dalam fikiran akan;

(ix). Habis diingatnya, habis dipakainya; sedikit pun hinda ada bertinggal akan, sedikit pun hinda ingat akan;

(x). Habis diingatnya, habis dipakainya; sedikit pun hinda ada bertinggal akan, sedikit pun hinda sedar akan;

Golongan kata lupa sebagai kata kerja tak transitif tak berpelengkap dan ujian penggantian (viii) – (x) membolehkan kata berlupa boleh dipadan dengan pengertian beR- yang diberikan Nik Safiah Karim et al. (2015) bagi awalan beR- + KK ini, iaitu melakukan perbuatan dengan maksud seperti yang terkandung dalam kata dasar.

Walau bagaimanapun, bentuk berlupa ternyata bukanlah bentuk yang produktif dan lazim digunakan oleh pengguna BMS. Hal ini terbukti berdasarkan carian kata berlupa dalam semua sumber bahan dan semua tahun di pangkalan data korpus DBP. Berdasarkan carian, hanya dua konkordans berlupa ditemui.

Carian Kata: berlupa

Bil. Konkordans: 2 konkordans dijumpai.

a). Sementara itu Haji Munah sudah sedia dengan kehendak-kehendak berlupa; kemenyan sejempit, lilin benang hitam lima pintal, pinang ... | SRENGENGE.Sastra, 1973

b). Dia sendiri tidak sangka boleh jampi dan berlupa begitu. | AL-SYIQAQ I. Sastra, 1985

Dalam konteks BMS, berlupa dalam data 4 seharusnya berbentuk dilupakan. Contohnya, "...sedikit pun hinda dilupa(kan)". Hal ini selaras dengan kata kerja yang mendahuluinya, iaitu dipakainya dan diingatnya. Kata berlupa yang dapat digantikan dengan dilupakan ini sebenarnya ialah bentuk pasif yang berasal daripada kata kerja aktif melupa(kan). Imbuhan beR- dan di- dalam BMS merupakan bentuk pasif yang digunakan dalam ayat pasif (Nik Safiah Karim et al., 2015)

Penjelasan kata berlupa dari segi nahu hanya dapat memerihai makna imbuhan beR- apabila digabungkan dengan kata dasar. Hal kewujudan kata ini dalam konteks tek HAK hanya dapat dijelaskan dengan menggunakan pendekatan pragmatik yang didasari sains kognitif dan bersifat fungsional. Dari sudut pragmatik, iaitu TR, berlupa merupakan bentuk yang digunakan untuk menyampaikan tindakan atau keadaan yang selari dengan komuniti pada waktu tersebut, walaupun maknanya berbeza sedikit daripada yang difahami dalam BM moden. Keadaan pengetahuan dan tahap kognitif yang dikongsi bersama oleh

penutur dan pendengar menjadi alasan yang kukuh untuk menjelaskan bahawa penggunaan bentuk kata berlupa sebagai bentuk yang ostensif dan dapat difahami oleh pendengar. Hal ini terbukti apabila penutur memberikan klu atau eksplikatur yang dapat dimanfaatkan oleh pendengar bagi mentafsir maksud hinda lupa. Contohnya, 'Habis diingatnya, merupakan kod yang jelas kerana makna yang sama bagi ujaran ini dapat disampaikan dalam bentuk negatif, iaitu sedikit pun hinda lupa akan. Dalam naratif hikayat, penegasan dalam bentuk pengulangan dengan bentuk frasa yang berbeza yang bersinonim biasanya bertujuan membina imej watak atau keampuhan tindakan. Penutur atau penulis secara tidak langsung ingin menyampaikan maksud bahawa watak (atau subjek dalam petikan) sangat teliti dan sempurna kerana tiada satu pun yang tercicir daripada ingatannya dan semuanya tidak ditinggalkan dan tidak dilupakan. Dalam konteks naratif penglipurlara atau pitaran, pengulangan ini merupakan bentuk pengukuhan etos atau keupayaan dalam naratif, iaitu strategi retorik untuk menaikkan kredibiliti atau kehebatan.

Dalam konteks ujaran ini, penutur (penglipur lara) didapati mematuhi prinsip komunikatif relevans, iaitu memberikan tingkah laku komunikatif yang ostensif dengan mengandaikan audiens berkongsi sumber konteks yang sama apabila penutur/penglipur lara memberikan input seperti 'habis diingatnya, habis dipakainya; sedikit pun hinda ada bertinggal akan' yang membolehkan pengayaan tafsiran dilakukan bagi mencapai kesan kognitif yang tinggi dengan usaha memproses yang rendah. Pengulangan 'habis +... habis +... dan sedikit pun hinda ada bertinggal' merupakan retorik yang dapat menarik perhatian pendengar untuk memproses ujaran dan mencapai relevans yang optimum.

Prinsip komunikatif relevans ini memberikan implikasi yang sangat penting terhadap proses komunikasi manusia kerana untuk berkomunikasi, penutur memerlukan perhatian pendengar. Seperti yang dijangkakan oleh prinsip relevans komunikasi, perhatian pendengar cenderung secara automatik tertarik pada apa-apa yang relevans sahaja pada masa itu, dan kejayaan komunikasi bergantung pada penerimaan ujaran yang paling relevans untuk diproses oleh pendengar. Oleh sebab penutur berkehendakkan ujarannya difahami, komunikasinya berjaya, maka setiap tingkah laku komunikasinya mestilah menunjukkan bahawa penutur berkehendakkan ujarannya relevans pada pendengar (Noveck & Sperber, 2004).

Secara keseluruhannya, perbezaan makna dan fungsi awalan beR- yang dikesan dalam teks HAK tidak harus difahami sebagai sekadar senarai penyimpangan daripada Bahasa Melayu Standard, tetapi sebagai cerminan ragam bahasa klasik Brunei yang dipengaruhi dialek Kedayan, konvensi genre hikayat, dan konteks ujaran yang membentuk pilihan bentuk dan tafsirannya. Dalam kerangka kajian ini, penjelasan terhadap perbezaan tersebut diberikan pada aras yang sejajar dengan data teks, iaitu melalui hubungan antara bentuk, konteks ayat, pengetahuan ensiklopedik dan jangkaan kerelevanan dalam kalangan audiens pada waktu itu. Oleh itu, bentuk seperti 'bercacat', 'bercabul', 'bertinggal' dan 'berlupa' lebih munasabah dihuraikan sebagai memperlihatkan kemungkinan perubahan diakronik dan peralihan produktiviti morfologi apabila dibandingkan dengan Bahasa Melayu Standard kontemporari, bukannya terus ditetapkan berpunca daripada pengaruh substratum bahasa etnik lain. Penentuan punca sejarah-linguistik yang lebih khusus, termasuk kemungkinan pengaruh bahasa lain atau evolusi dalaman dialek Kedayan secara lebih terperinci, memerlukan data lapangan dan reka bentuk kajian yang berbeza. Sehubungan itu, kajian ini terbatas secara sedar pada penjelasan tekstual-pragmatik terhadap bagaimana dan mengapa bentuk-bentuk berawalan beR- tersebut dapat difahami secara berpada dalam konteks teks HAK.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa sebahagian token awalan beR- dalam HAK memperlihatkan ketidakselarasan dengan pengertian dan pengelasan awalan beR- yang lazim dihuraikan dalam *Tatabahasa*

Dewan. Pada tahap nahu, bentuk seperti bercacat, bercabul, dan bertinggal sukar dipadankan secara bermakna dengan kategori beR- yang produktif dalam Bahasa Melayu Standard (BMS), malah semakan korpus menandakan bentuk-bentuk ini tidak lagi produktif atau amat terhad penggunaannya dalam BMS kontemporari. Data berlupa dalam konteks teks HAK pula, lebih munasabah ditafsir sebagai bentuk yang berfungsi menyerupai pasif (misalnya setara dengan “dilupakan”). Data ini sekali gus menonjolkan bahawa *beR-* dalam teks klasik/dialek tidak semestinya beroperasi dengan pemetaan makna yang stabil seperti dalam deskripsi tatabahasa preskriptif.

Perbezaan yang dikesan juga tidak wajar difahami sebagai sekadar penyimpangan daripada bahasa standard, malahan sebagai cerminan ragam bahasa klasik yang dipengaruhi dialek Kedayan, konvensi genre hikayat, konteks ujaran, dan kemungkinan perubahan diakronik serta peralihan produktiviti morfologi apabila dibandingkan dengan Bahasa Melayu Standard kontemporari.

Dari sudut metodologi, kajian ini membuktikan bahawa pemerian nahu semata-mata hanya memadai untuk mengenal pasti bentuk yang tidak sepadan, tetapi belum cukup untuk menjelaskan secara berpada mengapa bentuk tertentu dipilih dan difahami dalam konteks teks HAK. Oleh itu, penggunaan Teori Relevans sebagai kerangka analisis pragmatik sangat signifikan kerana teori ini membolehkan makna bentuk berawalan beR- diuraikan sebagai hasil proses inferens yang melibatkan makna yang didekod, pemilihan andaian konteks, pembinaan eksplikatur, dan penghasilan implikatur yang memenuhi jangkaan kerelevanan optimum. Secara lebih khusus, gabungan pengelasan awal berasaskan *Tatabahasa Dewan* dengan analisis pragmatik berasaskan Teori Relevans telah memperkukuh ketelusan analisis, iaitu pengelasan nahu mengawal tafsiran daripada menjadi intuitif semata-mata, manakala Teori Relevans pula mengelakkan reduksionisme nahu dengan menjadikan konteks, latar sosial budaya, latar masa dan pengetahuan ensiklopedik sebagai komponen analitik yang eksplisit. Dengan itu, kajian ini bukan sahaja menyumbangkan penelitian morfologi bahasa Melayu, malahan memperlihatkan nilai pendekatan silang antara nahu dan pragmatik juga dalam mentafsir data bahasa yang hadir dalam teks klasik dan dialek.

Bagi melengkapkan spektrum kajian ini, penyelidikan lanjut yang lebih spesifik dalam bidang pedagogi dan pragmatik, khususnya dengan menerapkan Teori Relevans untuk menilai pemahaman pelajar sekolah menengah di Brunei terhadap teks Hikayat Awang Kamaruddin wajar dilaksanakan. Satu cadangan yang wajar ialah membandingkan tahap usaha memproses (*processing effort*) antara ayat asal HAK dengan ayat yang telah diubah suai kepada nahu Bahasa Melayu standard bagi meneliti sejauh mana perbezaan bentuk bahasa mempengaruhi kesan kognitif, kefahaman dan kebolehcapaian makna dalam kalangan generasi muda. Kajian sedemikian bukan sahaja dapat menguji secara empiris hubungan antara bentuk bahasa klasik atau dialek dengan proses pemahaman pembaca, malahan dapat memberikan sumbangan praktis terhadap pengajaran teks sastra rakyat Brunei di sekolah juga. Pada masa yang sama, kajian lanjutan juga boleh meneliti secara lebih luas kesinambungan atau perubahan fungsi bentuk-bentuk berawalan beR- ini dalam penggunaan Kedayan kontemporari melalui reka bentuk kajian lapangan yang berbeza.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak ditaja atau didanai oleh mana-mana geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Pengenalan: Hasmidar Hassan & Siti Rabi'atul Adawiyah bte Hj Mohd Saiful Bakhtiar

Sorotan kajian: Hasmidar Hassan, Siti Rabi'atul Adawiyah bte Hj Mohd Saiful Bakhtiar & Siti Badriyah Yusof

Metodologi: Hasmidar Hassan & Siti Rabi'atul Adawiyah bte Hj Mohd Saiful Bakhtiar

Analisis: Hasmidar Hassan & Siti Rabi'atul Adawiyah bte Hj Mohd Saiful Bakhtiar

Dapatan: Hasmidar Hassan, Siti Rabi'atul Adawiyah bte Hj Mohd Saiful Bakhtiar & Siti Badriyah Yusof

Kesimpulan: Hasmidar Hassan

Rujukan: Hasmidar Hassan, Siti Rabi'atul Adawiyah bte Hj Mohd Saiful Bakhtiar & Siti Badriyah Yusof

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini dan juga dalam teks yang tersebut dalam makalah sebagai sumber data.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi Bahasa Melayu*. PTS Publishing Sdn Bhd.
- Adhitya Darmawan & Agus Hari Wibowo. (2025). Transitivity processes in narrative texts by Batik junior high school students: A systemic functional linguistics analysis. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 4(1), 321-348. <https://doi.org/10.32890/rentas2025.4.1.13>
- Ahmad Harith Syah Md. Yusuf. (2008). *Fungsi makna imbuhan awalan pen-: Satu analisis Teori Relevans* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alfred, R., Leong, L. C., Chin, C. K., & Anthony, P. (2014). *A literature review and discussion of Malay rule - based affix elimination algorithms*. Springer Proceedings in Complexity, pp. 285 – 297. https://doi.org/10.1007/978-94-007-7287-8_23
- Anne Jeffry Kihob & Saidatul Nornis Mahali. (2021). Penguasaan murid tentang penggunaan imbuhan MeN-, di-dan BeR- dalam penulisan karangan respons terbuka: Students' mastery of MeN-, di- and BeR-affixations in open response essay writing. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 32(2), 89-110.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Nahu Melayu mutakhir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Australian National University. (n.d.). *Malay concordance project*. <https://mcp.anu.edu.au/cgi-bin/tapis.pl>

- Blakemore, D., & Carston, R. (1999). The pragmatics of and-conjunctions: The non-narrative cases. *CILISC1 (L'économie dans les structures, les computations et l'utilisation du langage*, 12-15.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2016). *Lupa*. Pusat Rujukan Persuratan Melayu. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=lupa>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Penglipur*. Pusat Rujukan Persuratan Melayu. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=penglipur>,
- Dilah Tuah, Chong Shin, Remmy Gedat & Mohammad Azlan Mis. (2021). Pilihan bahasa dalam kalangan etnik minoriti Kedayan di Bekenu, Sarawak: Satu penelitian awal. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 21(2), 177–194. <https://doi.org/10.17576/gema-2021-2102-09> (grafiati.com)
- Hasmidar Hassan, Nurerna Aida Abdul Rahman & Norsofiah Abu Bakar. (2022). Analisis pragmatik kecenderungan pelaporan akhbar berbahasa Melayu di Malaysia berdasarkan elemen bahasa. *Jurnal Pengajian Melayu*, 33(2), 83-97.
- Hasmidar Hassan. (2006). *Kata hubung dan dan tetapi: Satu analisis perbandingan nahu dan pragmatik* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia. https://ensiklopedia.kemdikbud.go.id/sastra/artikel/Salah_Asuhan
- Jaludin Chuchu. (2008). *Semantik dan pengajaran bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Johnny Tjia. (2015). Grammatical relations and grammatical categories in Malay. The Indonesian prefix meN- revisited. *Wacana*, 16(1), pp. 105 – 132. <https://doi.org/10.17510/wjhi.v16i1.368>
- Kamus Dewan* Edisi Keempat. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.
- Kamus Linguistik*. (1997). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia. (1928). Salah Asuhan. *Ensiklopedia Sastra Indonesia*.
- Lee, Angelin Chai Siah & Nasrun Alias. (2023). Kajian linguistik bahasa Kedayan: Satu tinjauan literatur sistematik. *Jurnal Melayu, Isu Khas*, 167–180.
- Leow Ching Leong, Surayaini Basri & Rayner Alfred. (2012). *Enhancing Malay stemming algorithm with background knowledge. Lecture Notes in Computer Science*, 7458 LNAI, pp. 753 – 758. https://doi.org/10.1007/978-3-642-32695-0_68
- Lufti Abas. (1971). *Linguistik deskriptif dan nahu bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Ahmad Harith Syah. (2009). Penelitian makna imbuhan Pen- dalam bahasa Melayu: Satu kajian rangka rujuk silang. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 9(2), 57-72
- Norhasliza Ramli & Zeckqualine Melai. (2016). Imbuhan Ter-dari perspektif Teori Relevans. *e-BANGI Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(3), 145 - 162.
- Noveck, I., & Sperber, D. (Eds.). (2004). *Experimental pragmatics*. Springer.
- Nurul Huda Mohd Saad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2020). Imbuhan meN- dengan kata nama konkrit unsur alam: Analisis Teori Relevans. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 20(3), 136-155.
- Nurul Huda Saad. (2008). *Peluasan makna imbuhan ber-: analisis Semantik Kognitif* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa & Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Paramita Kusumawardhani. (2020). *Affix analysis in a "Hansel and Gretel" story to English young learners: A morphology perspective*. Wanstra.
- Rahim Dulani (1992). *Hikayat Awang Kamaruddin*. Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Riki Nasrullah & Arip Budiman. (2022). Kajian linguistik kognitif pada imbuhan ber- dalam Bahasa Indonesia. *Ranah: Jurnal Kajian Bahasa*, 11(2), 478-488.

- Rosliah Kiting & Shira Eariy Janedeh. (2023). Pengaruh dialek terhadap penguasaan kemahiran komunikasi bahasa Melayu standard pelajar Bumiputera di UPSI. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 5(2), 75–86.
- Sperber, D. & Wilson, D. (2002). Pragmatics, modularity and mind-reading. *Mind & Language*, 17, 3-23.
- Sperber, D. (1986). *Relevance: Communication and Cognition*. Blackwell Publisher Ltd.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication & Cognition* (2nd ed.). Blackwell Publisher Ltd.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1996). *Relevance: Communication and cognition* (2nd ed.). Blackwell Publisher Ltd.
- Suhaina Amad Darwis, Rukaini Abdullah & Norisma Idris. (2012). Exhaustive affix stripping and a Malay word register to solve stemming errors and ambiguity problem in Malay stemmers. *Malaysian Journal of Computer Science*, 25(4), 196 – 209.
- Tee Boon Chuan. (2023). Benarkah morfologi bahasa Melayu sedia ada bersifat sekunder? *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 181 – 197. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.8>
- Wilson, S. (2016). *Thinking differently about leadership: A critical history of leadership studies*. Edward Elgar Publishing.
- Za'ba. (1965). *Pelita Bahasa Melayu penggal I*. Dewan Bahasa dan Pustaka.